

15/09/2001

PM gesa pemimpin dunia bincang atasi keganasan

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa masyarakat dunia duduk bersama dan berbincang bagi menangani masalah keganasan yang semakin meningkat termasuk serangan ke atas Amerika Syarikat Selasa lalu.

Perdana Menteri berkata, pemimpin dunia perlu melihat tindakan keganasan itu sebagai satu jenayah yang perlu ditangani bersama di seluruh dunia tanpa memihak kepada sesiapa.

"Negara Islam tidak boleh memihak kepada negara Islam, begitu juga negara bukan Islam, tidak boleh berpakat sesama sendiri atau dengan kawan dan rakan masing-masing saja.

"Keganasan adalah jenayah terhadap manusia yang perlu diatasi bersama di seluruh dunia. Saya tidak setuju dengan cara ganas seperti ini untuk menyelesaikan masalah.

"Jika keganasan seumpama ini dibiarkan berterusan, ia akan disusuli tindak balas demi tindak balas tanpa kesudahan," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Amerika di sini hari ini.

Turut menandatangani buku takziah itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Dalam kejadian Selasa lalu, beribu-ribu orang dikhuatiri terbunuh apabila dua pesawat yang dirampas, merempuh Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York menyebabkan kedua-duanya ranap, manakala sebuah lagi pesawat merempuh Jabatan Pertahanan Amerika, Pentagon, mengakibatkan kerosakan teruk.

Pesawat keempat yang dilaporkan disasarkan ke pusat peranginan presiden di Kem David, Maryland, terhempas di Pennsylvania.

Dr Mahathir berkata, jalan perlu dicari bagi menyelesaikan asas kepada kejadian seumpama itu dan semua negara perlu duduk bersama untuk membincangkannya secara serius.

"Kita perlu sanggup berbuat apa saja untuk menghentikan keganasan. Harus diingat bahawa beberapa rakyat kita yang berada di WTC ketika tragedi itu, masih dilaporkan hilang," katanya.

Berhubung langkah keselamatan di negara ini, Perdana Menteri berkata, negara akan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga kerana tiada tempoh untuk keganasan berakhir.

Mengenai meningkatnya sentimen anti-Islam di Amerika Syarikat selepas kejadian itu, beliau menyifatkannya sebagai reaksi tidak dapat dielak tetapi berharap ia dapat diatasi segera kerana itu bukan cara yang betul menghadapi krisis.

Beliau berkata, peningkatan sentimen anti-Islam itu tidak dapat dielakkan kerana orang ramai masih belum dapat mengawal perasaan.

"Itu tindakan semula jadi. Saya harap ia dapat ditangani secepat mungkin kerana ia sesuatu yang tidak baik," katanya.

(END)